

# **BAB EMPAT**

## **PENTADBIRAN KEWANGAN JOHOR**

### **DALAM KEMELESETAN EKONOMI**

### **1929 - 1932**

#### **4.0 Pendahuluan**

Kemewahan dan kemakmuran ekonomi yang dinikmati dalam tempoh masa sebelum ini telah mengalami perubahan yang amat besar sekali. Ini ekoran daripada kemelesetan ekonomi dunia yang begitu teruk pada akhir 1929. Berikutan dengan itu, ekonomi Johor yang sangat bergantung kepada perdagangan komoditi-komoditi pertanian dan perlombongan di pasaran dunia telah menghadapi masalah. Harga komoditi-komoditi utama seperti getah telah menurun secara berterusan dari \$34.63 se pikul pada tahun 1929<sup>1</sup> kepada hanya \$6.97 se pikul pada tahun 1932.<sup>2</sup> Penurunan harga komoditi ini secara langsung telah mempengaruhi jumlah nilai eksport negeri itu.

Pemodal yang terlibat dalam perusahaan komoditi tersebut menghadapi masalah besar. Mereka tidak dapat menghasilkan keuntungan yang diharapkan, malah terpaksa pula mengalami kerugian di luar jangkaan. Ramai daripada pemilik ladang berskala besar telah

mengurangkan kegiatan mereka. Ekoran daripada ini, ramai daripada buruh telah diberhentikan dan dihantar pulang ke tanah air masing-masing dengan menggunakan peruntukan Pentadbiran Kolonial seperti *Indian Immigrant Fund*.(Tabung Imigran India)

Kemelesetan ekonomi yang parah ini juga telah menyebabkan kedudukan kewangan Pentadbiran Kolonial berada dalam keadaan kritikal. Dalam usaha untuk menangani masalah ini, penelitian semula dan pemilihan polisi yang bersesuaian diperlukan. Dari sudut kutipan hasil, Pentadbiran Kolonial telah mengenalpasti cukai tanah sebagai sumber utama dan terpenting bagi menggantikan cukai kastam (khususnya duti eksport) dan eksais yang telah menurun kepentingannya dalam tempoh masa ini.

Sehubungan dengan ini, Pentadbiran Kolonial juga telah mengurangkan peruntukan bagi perbelanjaan bertujuan untuk mengelakkan wujudnya masalah dalamimbangan kewangan. Pentadbiran Kolonial juga telah mengurangkan sebahagian besar daripada peruntukan belanjawan bagi kerja raya dengan tugas-tugas khas dan juga kos pentadbiran. Bagaimanapun peruntukan bagi gaji kakitangan dan pesara tidak dikurangkan.

Sungguhpun keadaan kewangan negeri adalah kritikal,

namun Pentadbiran Kolonial masih dapat mengawalnya. Pendapatan yang berkurangan cuba distabilkan dengan mengurangkan peruntukan perbelanjaan negeri. Namun begitu, dalam 1930-1932, jumlah perbelanjaan telah melebihi pendapatan negeri. Sumber kewangan yang terlibat bagi mengatasi masalah ini hanya melibatkan wang simpanan tunai sahaja. Dengan kata lain, Pentadbiran Kolonial masih dapat menerus dan mengembangkan amalan sebelum ini iaitu dengan membuat pelbagai bentuk pelaburan melalui portfolio pelaburan kewangan. Pentadbiran Kolonial sentiasa memberi tumpuan utama terhadap pengagihan kewangan terhadap portfolio pelaburan kewangan.

#### **4.1            Pasaran**

Dalam keadaan kemelesetan ekonomi ini, struktur pasaran bagi komoditi-komoditi utama memperlihatkan kejatuhan harga yang berterusan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.1. Kejatuhan tersebut memberi kesan yang ketara terhadap jumlah nilai perdagangan. Peningkatan harga *Gutta Perca* (266.5%) dan *Lada* (114.8%) pada 1931 berlaku akibat daripada pertambahan permintaan. Walau bagaimanapun, fenomena ini cuma setahun sahaja. Pada tahun 1932, kedua-dua komoditi menunjukkan kejatuhan seperti komoditi-komoditi lain.

**Jadual 4.1. Purata Indeks Harga Pasaran Komoditi Eksport  
1929- 1932, (1924=100)**

Bahan	1924	1929	1930	1931	1932
<b>Pinang</b>	100	t.d.	t.d.	49.3	43.9
<b>Kelapa</b>	100	-	-	45.6	45.9
<b>Kopi</b>	100	-	-	42.6	55.4
<b>Kopra</b>	100	-	-	42.5	47.2
<b>Gambir</b>	100	-	-	45.4	40.2
<b>Gum</b>	100	-	-	63.2	56
<b>Gutta Perca</b>	100	-	-	266.5	40.6
<b>Kacang</b>	100	-	-	58.4	59
<b>Nutmegs</b>	100	-	-	33.2	30.7
<b>Lada</b>	100	-	-	114.8	95.6
<b>Rattans</b>	100	-	-	73.6	63
<b>Getah</b>	100	-	-	22.3	15.9
<b>Sago</b>	100	-	-	45.2	42
<b>Ubi Kayu</b>	100	-	-	40.5	35.5
<b>Timah</b>	100	-	-	47.6	55.4

Nota: t.d. = Tidak ada data.

Sumber: S.S. & F.M.S. Malaya, Average Prices, Declared Trade Values, Exchange, Currency and Cost of Living, 1938, Singapore, Department of Statistics, hal:34.

Dalam tempoh masa ini, jumlah nilai import telah berkurangan dengan banyaknya dari \$45,372,067 pada 1929<sup>3</sup> kepada \$21,809,020 pada 1932.<sup>4</sup> Ia mengalami kejatuhan sebanyak 51.93%. Jumlah nilai eksport dari 1929 hingga 1932 telah mengalami kejatuhan sebanyak 70.14%, iaitu dari \$99,206,986 pada tahun 1929<sup>5</sup> kepada \$29,623,458 pada tahun 1932.<sup>6</sup> Walaupun kedua-dua jumlah nilai telah jatuh tetapi imbalan (dagangan) masih memperlihatkan nilai positif, seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran Jadual 1.1. dan Gambarajah 1.1.. Dilihat dari segi nilai, jumlah nilai import dalam tempoh ini lebih rendah daripada kemelesetan nilai yang berlaku selama 1920-1922. [\$24,015,410,(1922) \$21,809,020,(1932)]. Kesan sebenar pada masa ini lebih teruk lagi berikutan dengan pertambahan penduduk. Dalam tempoh 1921-1931, jumlah penduduk Johor telah meningkat dengan pesat iaitu sebanyak 76.00%. Maka, nilai import bagi setiap penduduk telah jatuh dengan ketara.

#### **4.1.1            Eksport**

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, jumlah nilai eksport telah berkurangan dengan banyaknya. Ini berkait rapat dengan kejatuhan jumlah nilai eksport bagi beberapa komoditi pertanian utama yang amat bergantung kepada pasaran antarabangsa. Seperti yang dapat

dilihat daripada Lampiran Jadual 1.2., getah merupakan komoditi yang paling ketara menerima kesan penurunan tersebut berbanding dengan komoditi-komoditi yang lain. Pada November 1928, pihak British telah menghapuskan *Stevenson Rubber Restriction Scheme* kerana skim ini tidak praktikal untuk memenuhi realiti pasaran dunia. Negara-Negara Pengeluar getah seperti Netherland Indies [Indonesia] tidak menerima pakai skim tersebut dan menjual getah dengan harga yang murah. Fenomena ini menjelaskan kedudukan Negara-negara yang mengamalkan skim tersebut. Jumlah nilai eksport getah pada tahun 1929 berjumlah \$74,712,411<sup>7</sup> dan kemudiannya telah menurun dengan teruknya kepada hanya \$13,902,311 pada tahun 1932,<sup>8</sup> iaitu jatuh sebanyak 81.39%.

Ditinjau dari segi kuantiti didapati keadaan kejatuhan tidaklah begitu ketara. Pada tahun 1929, jumlah kuantiti eksport getah adalah sebanyak 1,620,868 pikul<sup>9</sup> dan telah menurun sedikit kepada 1,456,312 pikul pada tahun 1932<sup>10</sup> iaitu jatuh sebanyak 10.15%. (Sila lihat Jadual 4.2.) Kejatuhan kuantiti ini adalah rendah disebabkan sebilangan besar daripada pengusaha terutamanya pemilik-pemilik kebun kecil dan sederhana tetap meneruskan aktiviti penorehan getah dan mengeksportnya walaupun harga semasa adalah rendah. Ini kerana golongan pekebun kecil tidak ada pilihan lain kecuali meneruskan aktiviti mereka walaupun faedah

**Jadual 4.2. Eksport Getah, Jumlah Nilai, Kuantiti dan Harga, 1929 - 1932, (Straits Dollar)**

TAHUN	HARGA (SEPIKUL)	(II)JUMLAH NILAI Eksport Getah (\$)	JUMLAH KUANTITI (pikul)
1929	34.63	74,712,411	1,620,868
1930	19.15	39,259,867	1,522,798
1931	9.82	20,319,138	1,392,100
1932	6.97	13,902,311	1,456,312

Nota: Harga pasaran di Singapura.

Sumber: Disusum daripada **ARMAS 1934**, Jadual 60 dan **ARJ 1929-1933**

yang diperolehi melalui aktiviti ekonomi ini adalah sangat terhad. Sementara itu, sebilangan daripada pemilik terutamanya pemilik-pemilik ladang besar tidak menjalankan aktiviti penorehan. Mereka hanya menjaga kebersihan ladang-ladang getah mereka. Kerja-kerja penorehan hanya dijalankan apabila harga di pasaran memuaskan.

Corak yang diperlihatkan di atas, hampir sama dengan lain-lain komoditi utama seperti kelapa dan pinang. Pada tahun 1929, jumlah nilai eksport kelapa adalah sebanyak \$5,564,997<sup>11</sup> dan jumlah ini telah menurun kepada \$3,831,355 pada tahun 1932.<sup>12</sup> Sementara itu, pinang pula telah menurun dari \$1,644,360 pada tahun 1929 kepada \$847,664 pada tahun 1932.<sup>13</sup> (Sila lihat Lampiran Jadual 1.3. )

Dalam zaman kemelesetan ini, tanaman-tanaman baru yang diperkenalkan pada tahun 20-an seperti nenas dan kelapa sawit telah memperlihatkan peningkatan dalam jumlah nilai eksport walaupun pasaran dunia mengalami kemerosotan yang teruk. Nenas telah meningkat daripada \$561,933 (1929)<sup>14</sup> kepada \$894,184 (1932),<sup>15</sup> dan kelapa sawit pula meningkat daripada \$37,730 (1929)<sup>16</sup> kepada \$175,990(1932).<sup>17</sup> Peningkatan dalam jumlah nilai eksport komoditi-komoditi di atas tidak bermakna berlaku peningkatan dalam harga. Peningkatan sebenarnya adalah disebabkan oleh pertambahan dalam kuantiti sahaja. (Sebagai tabii

jenis tanaman, bahan-bahan tersebut tidak dapat menyimpan stok seperti getah. Maka, pengusaha terpaksa mengeksport walaupun harga di pasaran jatuh. ) Dalam hal nenas, kuantiti telah bertambah dari 27,275,908 biji (1929)<sup>18</sup> kepada 35,767,339 biji (1932).<sup>19</sup> Bagi kelapa sawit pula pertambahan telah berlaku dari 2,300 pikul (1929)<sup>20</sup> kepada 24,505 pikul (1932).<sup>21</sup>

Bagi sektor perlombongan, jumlah nilai eksport bijih besi telah menunjukkan kejatuhan yang lebih serius. Dalam tempoh masa ini, nilai eksportnya telah jatuh dari \$7,342,090 (1929)<sup>22</sup> kepada \$2,425,343 (1932)<sup>23</sup> dengan kejatuhan sebanyak 66.73%. Kejatuhan jumlah nilai eksport bijih besi adalah disebabkan berlakunya kejatuhan dalam kuantiti yang dieksport dari 743,209 tan (1929)<sup>24</sup> kepada 485,068 tan (1932).<sup>25</sup>

#### 4.1.2 Import

Seperti keadaannya dengan nilai eksport, jumlah nilai import juga turut mengalami kejatuhan. Pada 1929, jumlah nilai import adalah sebanyak \$45,372,067<sup>26</sup> dan jumlah ini telah menurun sebanyak 51.93% kepada \$22,561,488 pada 1932.<sup>27</sup> Bagaimanapun, kadar penurunan jumlah nilai import agak kecil jika dibandingkan dengan nilai eksport.

Seperti yang dapat dilihat dari Lampiran Jadual 1.4. dan Gambarajah 1.3., dalam tempoh empat tahun didapati beberapa sektor

tertentu telah berkurangan, kurang setengah daripada jumlah asal. Umpamanya import makanan, minuman, arak dan candu telah menurun sebanyak 53.72% daripada \$24,331,728 pada 1929<sup>28</sup> kepada \$11,258,332 pada 1932.<sup>29</sup> Sementara itu dalam tempoh yang sama juga bahan mentah telah menurun sebanyak 56.39% daripada \$2,444,137<sup>30</sup> kepada \$1,065,849.<sup>31</sup> Barang-barang kilang pula telah menurun sebanyak 49.83% daripada \$18,467,300<sup>32</sup> kepada \$9,264,892.<sup>33</sup>

Secara keseluruhan komposisi barang import mengikut kategori terdiri daripada (A) Makanan, Minuman, Arak dan Candu sebanyak 51.7%, (B) Bahan mentah sebanyak 5.0% dan (C) Barang kilang sebanyak 42.9%. Sementara itu 0.4% adalah terdiri daripada lain-lain barang.

Sekiranya dibandingkan perangkaan pada 1932 (\$22,561,488)<sup>34</sup> dengan perangkaan pada 1922 (\$24,015,410),<sup>35</sup> didapati jumlah nilai import pada masa ini adalah berkurangan sedikit sahaja. Bagaimanapun dari segi realiti keadaannya adalah lebih teruk kerana data banci 1921 dibandingkan dengan data banci 1931, memperlihatkan pertambahan penduduk yang pesat iaitu sebanyak 76.0%. Kekurangan bahan import begitu ketara terutamanya padi yang menjadi makanan ruji bagi penduduk negeri itu.<sup>36</sup>

## **4.2 Pemodal**

Kurangnya permintaan terhadap komoditi-komoditi utama telah memberi kesan langsung kepada harga pasaran dan seterusnya mengurangkan jumlah nilai eksport. Dalam keadaan begini, keseluruhan pemodal yang terlibat dalam pengeluaran komoditi-komoditi berkenaan terpaksa menyemak semula kegiatan harian mereka dan menyusun kembali strategi baru untuk mengelakkan kerugian yang berterusan.

### **4.2.1 Getah**

Apabila harga di pasaran terus menurun pada akhir 1929, hampir keseluruhan pemodal terpaksa bertindak mendiamkan diri kerana adalah sukar dan tidak bijak untuk mengambil tindakan secara terburu-buru. Ini disebabkan kejatuhan harga yang tidak menentu dan sukar dijangkakan tempohnya. Sebagai langkah berhati-hati, golongan pemodal hanya bertindak meminimakan aktiviti harian mereka.<sup>37</sup> Lanjutan daripada ini, sebilangan daripada buruh terpaksa dihantar pulang ke negeri asal melalui *Indian Immigration Funds*. Tindakan ini diambil bagi mengurangkan kos operasi. (Perkara ini akan dibincangkan di bawah tajuk kecil "Demografi")

Walaupun aktiviti pengeluaran dikurangkan, ini tidak

bermakna golongan pemodal telah berputus asa. Sebenarnya, kebanyakan mereka menganggap keadaan kemelesetan ini hanya sementara sahaja. Oleh itu, mereka tidak bertindak menghentikan kegiatan harian mereka sepenuhnya . Dalam pada itu, tidak kurang juga pemodal yang mengambil kesempatan untuk meluaskan ladang mereka sebagai persediaan awal kepada pemuliharaan harga di masa akan datang. Bagi melaksanakan tujuan tersebut, tenaga buruh yang sebelum ini bertugas di peringkat penorehan getah telah dikerahkan untuk menjalankan kerja-kerja pembukaan tanah dan penanaman pokok-pokok getah baru.<sup>38</sup>

Tindakan diatas telah menyebabkan keluasan kawasan getah di negeri Johor telah bertambah walaupun keadaan ekonomi meleset seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.3. Daripada Jadual 4.3. tersebut didapati ladang berskala besar (100 ekar dan lebih) telah meningkat daripada 341,412 ekar pada tahun 1929<sup>39</sup> kepada 459,142 ekar pada 1932,<sup>40</sup> iaitu pertambahan sebanyak 34.48%. Sementara itu, dalam tempoh masa yang sama kebun bersaiz sederhana (25-99 ekar) juga telah meningkat daripada 38,598 ekar<sup>41</sup> kepada 58,792 ekar<sup>42</sup> pertambahan sebanyak 52.32%. Pertambahan juga berlaku terhadap keluasan kawasan kebun kecil (kurang dari 25 ekar) daripada 199,967 ekar pada tahun 1929<sup>43</sup> kepada 282,821 ekar pada tahun 1932,<sup>44</sup> pertambahan sebanyak 41.43%.

Melihat kepada perangkaan 1932 dari segi hak milik didapati

**Jadual 4.3. Keluasan Tanah Yang Ditanam Dengan Getah  
Mengikut Saiz, 1929-1932, (Ekar)**

Saiz	1929	1930	1931	1932	Peratusan	+/-
Ladang Besar (100-)	341,412	408,995	496,772	459,142	34.48%	117,730
Estet (25-99)	38,598	42,007		58,792	52.32%	20,194
Kebun Kecil (-25)	199,967	224,494	269,510	282,821	41.43%	82,854
Jumlah Keluasan	579,977	675,596	766,282	800,755	38.07%	220,778

Sumber: ARADJ 1929, hal:42, ARADJ 1930, hal:32, ARJ 1931, hal:11, ARADJ 1932, hal:40.

54.05% daripada jumlah kluasan ladang 100 ekar dan lebih adalah dimiliki oleh pemodal-pemodal Eropah iaitu seluas 253,506 ekar.<sup>45</sup> Bakinya sebanyak 31.02% dimiliki oleh pemodal Cina dengan jumlah keseluruhan kawasan seluas 145,477 ekar,<sup>46</sup> Sementara itu pemodal-pemodal India memiliki 3.07% dengan jumlah kluasan 145,477 ekar. Lain-lain pemodal yang sebilangan besarnya terdiri daripada pemodal-pemodal Jepun dan Melayu memiliki ladang seluas 55,667 ekar<sup>47</sup> iaitu 11.87% daripada jumlah kluasan tanah getah.<sup>48</sup>

Pada tahun 1930, keadaan kejatuhan harga yang berterusan telah menyebabkan pemilik-pemilik ladang besar mengambil tiga bentuk tindakan alternatif. Pertama, mengurangkan kos operasi dengan cara mengurangkan masa penorehan getah. Ini menyebabkan sebilangan besar buruh ladang telah diberhentikan. Perkara ini berlaku terutamanya di ladang getah milik pemodal Eropah yang menggunakan buruh-buruh India. Melalui *Rubber Funds* dengan kerjasama *Indian Immigrant Office* buruh-buruh yang telah diberhentikan itu dihantar pulang ke tanah air mereka di India.

Kedua, ladang-ladang yang dimiliki oleh *Johor Planter's Association* cuba berkerjasama mengurangkan pengeluaran dengan harapan agar dapat menstabilkan semula harga getah di pasaran. Polisi persatuan

ini bagaimanapun tidak menghasilkan kejayaan kerana setiap pemilik mempunyai pendirian yang berbeza. Kegagalan ini telah menyebabkan sebilangan ahli persatuan tersebut telah menarik diri. Jumlah mereka telah berkurangan daripada 124 ahli pada 1929 kepada hanya 67 ahli pada 1932.<sup>49</sup>

Ketiga, menggunakan kesempatan ini untuk menanam benih getah baru yang lebih bermutu secara besar-besaran. Benih baru yang dimaksudkan itu ialah *Budgrafting* (Cantuman mata tunas).<sup>50</sup> Penanaman benih baru ini berjalan dengan lancar sehingga Johor menjadi negeri yang terluas di Tanah Melayu menanam benih baru tersebut, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.4.

Kejatuhan harga getah yang berterusan bukan sahaja memberi kesan besar kepada pengeluar getah, malah turut melibatkan "pendagar-pendagar" getah dan pekilang-pekilang getah. Dalam kes "pendagar" getah, mereka telah menyuarakan rasa tidak puas hati kepada Pentadbiran Kolonial kerana mengurang dan menghadkan bilangan lesen pendagar getah.<sup>51</sup> Bagi pekilang-pekilang getah pula, bilangan mereka telah berkurangan daripada 109 orang pada 1929 kepada 102 orang pada 1932.<sup>52</sup>

**Jadual 4.4. Jumlah Kawasan yang Ditanam *Budgrafted* di Negeri Johor dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1929-1932, (Ekar)**

TAHUN	JOHOR	PERAK	SELANGOR	NEGERI SEMBILAN	PAHANG
1929	11,679	2,409	6,138	8,771	3,793
1930	10,483	2,783	6,588	6,625	3,480
1931	13,036	4,272	3,504	5,472	5,168
1932	11,595	1,664	2,688	14,314	2,227

Sumber: Disusun daripada ARMAS 1933, hal: Table 4.

#### 4.2.2 Kelapa Sawit dan Nenas

Kejatuhan harga getah telah memberi laluan kepada jenis tanaman lain untuk mendapat perhatian daripada pihak Pentadbiran Kolonial dan golongan pemodal. Kapitalis bermodal besar telah menunjukan minat terhadap komoditi-komoditi yang berpotensi seperti kelapa sawit. Dalam jangka masa ini, terdapat tujuh orang pemilik ladang kelapa sawit bersaiz besar<sup>53</sup> terutamanya di kawasan pedalaman Johor seperti yang ditunjukkan pada Jadual 4.5.. Bagaimanapun, jumlah ini tidaklah mengambarkan jumlah permintaan yang sebenar. Pada hakikatnya, terdapat banyak permohonan daripada pemilih-pemilik tanah untuk menanam kelapa sawit khususnya daripada pemodal Jepun. Bagaimanapun oleh kerana hubungan diplomatik di antara Britain dan Jepun tidak begitu rapat, menyebabkan Pentadbiran Kolonial telah mengawal atau menghadkan penglibatan pemodal-pemodal Jepun dalam aktiviti penanaman kelapa sawit.

Oleh kerana Pentadbiran Kolonial tidak mengenakan sebarang duti eksport terhadap kelapa sawit, tujuh pemodal yang terpilih diatas telah menikmati keuntungan hasil daripada penguatkuasaan polisi tersebut. Berdasarkan Jadual 4.6., pada tahun 1930, Johor merupakan negeri yang terbesar menanam kelapa sawit berbanding dengan

**Jadual 4.5. Pemilik Tanah Kelapa Sawit dan Keluasan Tanah, 1929 - 1932, (Ekar)**

NAMA ESTET	DAERAH	EKAR	
		1930	1932
ELAETS	Mengkibul	2,380	3,091
OIL PALMS OF MALAYA LTD.	Layang	14,833	15,866
LEE QUEE CHOO	Kulai	1,700	1,700
OIL PALM PLANTATIONS LTD.	Kluang	10,000	10,000
M.A., NAMAZIE ESQ	Renggam	3,000	3,366
JOHOR LABIS	Labis	25,000	25,831
HUAH HONG CHOO	Kluang	1,000	1,000
<b>JUMLAH</b>		<b>57,913</b>	<b>60,874</b>

Sumber: ARADJ 1930, hal:38, ARADJ 1932, hal:33.

**Jadual 4.6. Jumlah Kawasan Yang Ditanam Kelapa Sawit di Negeri Johor dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1929 - 1932, (Ekar)**

Tahun	Perak	Selangor	Negeri Sembilan	Pahang	Johor	+/-
1929	9,316	12,307	604	687	8,728	+ 2,293
1930	17,163	12,952	774	788	19,028	+10,300
1931	17,163	13,083	935	788	24,403	+ 5,375
1932	17,372	13,315	1,173	788	27,777	+ 3,374

Sumber: Disusun daripada ARMAS 1934, hal:27.

negeri-negeri lain di Tanah Melayu.<sup>54</sup>

Selain daripada itu, komoditi baru yang turut diperkenalkan ialah nenas. Nenas juga telah menunjukkan perkembangan dalam jangka masa ini. Jumlah kawasan penanaman nenas telah meningkat daripada 39,000 ekar pada 1929<sup>55</sup> kepada 42,644 ekar pada tahun 1932.<sup>56</sup> Kebanyakan kawasan penanaman ini terletak di daerah Kota Tinggi yang diusahakan oleh pemodal-pemodal Cina.<sup>57</sup> Dari 1929 hingga 1930, kawasan tanaman nenas telah berkembang dan menjadi tanaman sementara bagi mengantikan tanaman getah. Pada akhir 1931 dan berterusan hingga ke 1932, pemodal Cina telah menunjukkan minat yang sangat besar ke atas tanaman ini ekoran daripada peningkatan harganya.<sup>58</sup> Tanaman nenas telah dijadikan tanaman utama seperti tanaman getah sebelumnya.

Perkembangan penanaman nenas telah membawa kepada peningkatan kilang-kilang memproses dan mengetin nenas. Sehingga 1932, di Johor terdapat 8 buah kilang memproses dan mengetin nenas yang keseluruhannya dimiliki oleh pemodal Cina.<sup>59</sup> Pada akhir 1932, sebuah kilang memproses dan mengetin nenas yang baru telah dibina di daerah Kota Tinggi.<sup>60</sup> Kilang ini mempunyai kemudahan bekalan air dan dilengkapi dengan sistem pengangkutan. Ia merupakan kilang yang terbesar dan terbaik di seluruh Tanah Melayu. Kilang ini berupaya

mengeluarkan 4,000 tin nenas sehari.<sup>61</sup> Berdasarkan perangkaan tahun 1932, Johor mempunyai jumlah kawasan tanaman nenas terbesar di Tanah Melayu. Jadual 4.7. menunjukan Johor mendominasi sebanyak 66.04% daripada keseluruhan kawasan penanaman nenas di Tanah Melayu.

#### 4.2.3            **Kelapa dan Pinang**

Kawasan penanaman kelapa juga telah meningkat daripada 117,500 ekar dalam 1929<sup>62</sup> kepada 127,000 ekar pada tahun 1932.<sup>63</sup> Kawasan penanaman kelapa ini telah berkembang ke Daerah Muar-Batu Pahat-Ayer Hitam dan didominasi oleh orang-orang Jawa dan Bugis sebagaimana sebelumnya.<sup>64</sup> Selain daripada itu, terdapat juga sebilangan kecil kawasan penanaman kelapa di kawasan Johor Tenggara. Pada tahun 1932, terdapat 1,660 buah kilang pengeluar kopra.<sup>65</sup> Daripada jumlah tersebut 1,020 adalah dimiliki oleh pemodal Cina dan selebihnya dimiliki oleh pemodal Melayu.<sup>66</sup> Secara keseluruhannya, pemodal Cina menguasai proses penghasilan dan dagangan kopra, sementara orang Melayu melibatkan diri dalam proses menanam dan pengeluaran kelapa.

Selain daripada kelapa, pinang juga turut diberi perhatian oleh golongan pemodal. Estet terbesar yang dimiliki oleh orang perseorangan (Cina) terletak di Kampong Lepu di Daerah Penggerang iaitu seluas 500 ekar<sup>67</sup> dan sebuah lagi estet seluas 100-300 ekar yang terletak

**Jadual 4.7. Keluasan Tanah Nenas di Semenanjung Tanah Melayu, 1932, (Ekar)**

Nama Negeri	Jumlah Keluasan Tanah	Peratusan
Perak	798	1.24%
Selangor	7,618	11.80%
Negeri Sembilan	1,127	1.75%
Pahang	246	0.38%
Singapore	9,500	14.71%
Johor	42,644	66.04%
Kedah	1,019	1.58%
Kelantan	100	0.15%
Trengganu	-	0.00%
Perlis	20	0.03%
Jumlah	64,577	100.00%

Sumber: Disusun daripada ARMAS 1933, Jadual 33.

di kawasan berhampiran Daerah Pontian.<sup>68</sup> Selain daripada itu, tanaman pinang juga ditanam bersama-sama tanaman lain seperti kelapa, getah, buah-buahan dan lain-lain. Sebelum ini, Daerah Segamat merupakan kawasan penanaman pinang yang terbesar di Johor. Bagaimanapun, dalam jangka masa ini, sejajar dengan pembinaan sistem pengairan di kawasan kelapa, Batu Pahat, Kukup dan Muar telah menjadi pusat penanaman utama tanaman tersebut.<sup>69</sup>

#### 4.2.4 Logam

Dari tahun 1931 hingga 1933, jumlah eksport bijih besi telah merosot akibat kemelesetan ekonomi. Kemelesetan ekonomi dunia telah memberi kesan negatif kepada pembangunan perindustrian besi waja di Jepun, dan seterusnya telah mengurangkan permintaan bijih besi dari Johor. Ishihara yang merupakan pemilik utama lombong bijih besi di Sri Medan, untuk menjimatkan kos telah menceburi bidang perkapalan bertujuan untuk menghantar sendiri bijih besi secara terus dari Johor ke Jepun.<sup>70</sup>

#### 4.2.5 Padi

Bagi pekebun kecil getah dan kelapa, penurunan harga komoditi dan kemerosotan keuntungan menyebabkan mereka mengambil langkah menanam pelbagai jenis tanaman lain termasuk padi. Jadual 4.8 memperlihatkan jumlah padi bukit (*dry rice*) dan padi sawah (*wet rice*)

**Jadual 4.8. Keluasan Tanah Padi Sawah dan Padi Bukit di Johor,  
1929 - 1932, (Ekar)**

Tahun	Padi Sawah		Padi Bukit	
	Ekar	Gantang	Ekar	Gantang
1929-1930	5,342	443,297	5,137	588,148
1930-1931	7,293		7,375	
1931-1932	10,885	1,211,160	8,411	726,433
1932-1933	15,800	2,091,000	9,260	909,000

Sumber: Disusun daripada **ARADJ 1929 - 1932**, hal:24.

telah meningkat setiap tahun<sup>71</sup>. Padi biasanya akan ditanam dengan komoditi yang lain seperti ubi kayu, sago, tuba dan kopi.<sup>72</sup>

Pada tahun 1929, padi bukit telah ditanam dengan tanaman kelapa terutama sekali di Daerah Muar.<sup>73</sup> Pentadbiran Kolonial berharap usaha ini dapat mengurangkan pergantungan Johor kepada beras yang dimport daripada Siam dan Burma. Bagi menyokong usaha ini, pada tahun 1932, Pentadbiran Kolonial telah melantik empat orang pegawai tempatan dari *Agricultural Department* bagi tujuan menyibarkan maklumat dan teknologi terkini berhubung dengan penanaman padi.<sup>74</sup> Sementara itu, pada tahun 1931, Pentadbiran Kolonial telah menukuhkan sebuah jawatankuasa yang dinamakan *Rice Cultivation Committee* bagi menggalakkan aktiviti tanaman padi dalam negeri. Usaha ini merupakan buat kali pertama pihak Pentadbiran Kolonial memperuntukan belanjawan negeri di bawah peruntukan khas, bagi tujuan tanaman makanan.

Bagaimanapun, usaha Pentadbiran Kolonial ini tidak berjaya kerana mereka gagal menyediakan keperluan asas untuk tanaman padi iaitu sistem saliran dan pengairan yang baik.<sup>75</sup> Sebaik sahaja harga pasaran getah dan kopra meningkat semula, tanaman padi telah tidak diusahakan lagi.

### 4.3 Demografi

Kemelesetan ekonomi telah menurunkan kadar upah penoreh getah secara berterusan. Faktor ini memberi kesan terhadap jumlah pendapatan golongan berkenaan. Sebagai contohnya, upah penoreh getah berbangsa India telah jatuh daripada 50 sen sehari pada 1929 kepada 20 sen sehari pada tahun 1932.<sup>76</sup>

Penurunan upah telah mengakibatkan berlakunya beberapa demonstrasi oleh buruh-buruh ladang bertujuan menuntut upah dan kebijakan yang lebih baik. Peristiwa ini merupakan pergerakan buruh yang pertama semenjak pegawai British dilantik pada tahun 1910. Pada tahun 1931, *Indian Labour Union* telah ditubuhkan di Selangor dan Negeri-Sembilan dan pengaruhnya telah tersebar ke Johor.

Di pihak pemodal, penurunan harga getah yang berterusan telah mendesak pemilik estet mengambil tindakan yang lebih tegas lagi iaitu memecat para pekerja mereka. Pada tahun 1931 seramai 128,275 orang buruh Cina dan 81,655 orang buruh India telah dihantar pulang ke nagara masing-masing. Penghantaran pulang diteruskan lagi pada tahun berikutnya, iaitu seramai 58,091 orang buruh Cina dan 66,767 orang buruh India mengalami nasib yang sama. (Sila lihat Jadual 4.9) Oleh kerana

**Jadual 4.9. Kedudukan Tenaga Buruh Cina dan India,  
1929-1933**

TAHUN	BURUH CINA		BURUH INDIA	
	MASUK	KELUAR	MASUK	KELUAR
1929	99,765	-	37,808	-
1930	-	133,815	-	82,621
1931	-	128,275	-	81,655
1932	-	58,091	-	66,767
1933	-	t.d	-	12,496
Jumlah	99,765	320,181	37,808	243,539

Sumber: ARJPA 1934-1935, hal:11.

buruh India dilindungi di bawah *Indian Immigrant Office*, maka proses penghantaran pulang buruh ini telah dibiayai oleh *Indian Immigration Fund*.<sup>77</sup> Oleh kerana bantuan kewangan disediakan oleh Pentadbiran Kolonial, menyebabkan ramai buruh yang masih bekerja di ladang turut sama ingin pulang ke tanah air mereka. Oleh kerana itu, Pentadbiran Kolonial telah mengenakan peraturan yang menghendaki setiap pekerja mengemukakan surat pemecatan rasmi dari majikan mereka bagi membolehkan mereka mendapatkan bantuan tersebut. Dalam hal ini, Pentadbiran Kolonial tidak mengenakan sebarang polisi terhadap buruh Cina dan Jawa kerana mereka datang ke Tanah Melayu dengan menggunakan perbelanjaan sendiri.<sup>78</sup> Oleh itu, mereka terpaksa menanggung sendiri kos untuk pulang ke tanah air masing-masing. Keadaan ini telah menyebabkan sebilangan kecil daripada buruh-buruh tersebut terus menetap di Johor tanpa melakukan sebarang pekerjaan.<sup>79</sup>

F.E. Becker, ahli *Johor Planter's Association* memberi komen mengenai masalah perburuhan seperti berikut.

" --- I find it difficult to forecast the labour position for the year 1931. It depends entirely upon the price of rubber and tin. Should the price decline then more estates will close, and labour will be plentiful, but it must be remembered, that, Indians are always leaving the country, and Chinese have been stopped from coming into the country, and sooner or later there will be a very serious shortage of labour. This state of affairs is going to be a

scramble for labour, price of wages will raise, and shareholders will not get the big dividends they anticipate. Labour will take a big share and it will come down to the same old "Cut throat" policy that has been in vogue in the past." <sup>80</sup>

#### 4.4 Pentadbiran Kolonial

Kejatuhan harga komoditi di pasaran dunia telah memberi kesan yang hebat terhadap ekonomi Johor sebagai pusat pengeluar komoditi yang utama. Para pemodal terpaksa menghadapi masalah kemerosotan keuntungan dan perlu memikir dan menyusun semula aktiviti ekonomi mereka. Dalam keadaan ini, seperti yang telah dijelaskan sebahagian besar daripada tenaga buruh terpaksa dihantar pulang. Ekonomi Johor menghadapi masalah yang serius dan meminta beberapa pengubahsuaian dilakukan bagi mengimbangi perubahan yang berlaku dalam pasaran.

Dalam jangka masa ini, Pentadbiran Kolonial tidak lagi bergantung kepada polisi kewangan sebelumnya dan terpaksa menganalisa semula polisi kewangan yang diamalkan sebelum ini. Bagi Perbendaharaan pula, Pentadbiran Kolonial telah menumpukan perhatian terhadap pengumpulan cukai tanah memandangkan Pentadbiran Kolonial tidak lagi dapat bergantung kepada cukai kastam dan eksais, lesen dan penjualan candu. Ini disebabkan oleh kejatuhan harga pasaran dan pengurangan aktiviti perdagangan.

Bagi perbelanjaan negeri pula, Pentadbiran Kolonial terpaksa mengurangkan operasi kerja-kerja awam bagi perkhidmatan tertentu. Pentadbiran Kolonial juga terpaksa mengurangkan kos pentadbiran memandangkan perbelanjaan tahunan seperti gaji kakitangan dan pencen adalah amat sukar untuk dikurangkan.

Walaupun Pentadbiran Kolonial berusaha mengawal dua sumber kewangan ini, namun begitu imbalan kewangan tetap mengalami defisit berjumlah \$2,036,980 pada tahun 1931<sup>81</sup> dan jumlah ini telah meningkat kepada \$2,675,814 pada tahun 1932.<sup>82</sup> Bagaimanapun, Pentadbiran Kolonial berjaya mengatasi masalah ini dengan menggunakan simpanan tunai daripada akaun negeri. Namun begitu, Pentadbiran Kolonial hanya menggunakan peruntukan-peruntukan tertentu sahaja dalam akaun negeri untuk membiayai perbelanjaan pentadbiran di Johor. Polisi yang diamalkan langsung tidak menjasakan portfolio pelaburan kewangan walaupun terdapat masalah kejatuhan ekonomi. Sejumlah \$28,068,419 atau 77.19 % daripada jumlah nilai aset negeri diperuntukkan di bawah portfolio pelaburan kewangan pada tahun 1932. Peruntukan akan dihantar ke Britain dan koloni-koloni British di seluruh dunia sebagai satu bentuk pelaburan. Walaupun ekonomi keseluruhannya telah mengalami kemerosotan yang besar namun pihak Pentadbiran Kolonial tidak berunding

mengenai peruntukan lebihan kewangan bagi portfolio pelaburan kewangan.

#### 4.5 Pendapatan Negeri

Dalam jangka masa ini, anggaran pengutipan pendapatan adalah berbeza sekali dengan pendapatan sebenar yang telah dikumpulkan. Berdasarkan Lampiran Jadual 5.1. dan Gambarajah 5.1., jumlah pendapatan sebenar telah jatuh daripada \$17,633,212 pada tahun 1929<sup>83</sup> kepada \$11,518,363 pada tahun 1932.<sup>84</sup> Keadaan ini amatlah berbeza sekali jika dibandingkan dengan anggaran pendapatan yang dibuat dalam jangka masa sebelumnya. Dalam tempoh 1929 - 1931, pendapatan negeri sebenar di Johor merekodkan kekurangan jumlah nilai sebanyak \$3,853,322 (1929), \$1,875,579 (1930), \$1,364,463 (1931). Pada tahun 1932, jumlah pendapatan negeri sebenar baru dapat melebihi jumlah anggaran pendapatan negeri sebanyak \$485,887. Keadaan ini berlaku kerana struktur pendapatan negeri terlalu bergantung kepada pendapatan daripada duti eksport seperti getah, kopra dan lain-lain komoditi. Pada tahun 1931, L.Rayman, *Acting, Financial Commissioner Johore* mengakui bahawa "Optimistic Forecasting" dalam pendapatan negeri langsung tidak dapat diterapkan dalam struktur kewangan Johor dan beliau telah

menganggarkan bahawa jumlah pendapatan negeri pada 1932 dijangka akan menurun sebanyak 25 % daripada pendapatan negeri seperti yang tercatit di dalam laporan pada 1931.<sup>85</sup>

Kejatuhan ini adalah disebabkan oleh perubahan struktur pasaran dan kemerosotan ekonomi tempatan. Dalam tempoh 1929 - 1932, komposisi pendapatan utama telah mengalami perubahan berbanding dengan komposisi pendapatan sebelum jangka masa ini. Dalam jangka masa ini, cukai tanah dan lain-lain cukai telah meningkat sehingga 15.15% dan 20.98% tetapi duti kastam dan eksais telah menurun kepada 33.42% dan 20.21%. Berdasarkan Lampiran Jadual 5.1., pendapatan daripada duti kastam telah menurun sebanyak 54.26%. Jumlah yang dikutip pada tahun 1929 adalah sebanyak \$5,893,362<sup>86</sup> dan jumlah ini telah berkurangan kepada \$3,030,434 pada tahun 1932.<sup>87</sup> Cukai Eksais dan Lesen juga telah menunjukkan penurunan sebanyak 54.11% iaitu daripada \$5,073,011 pada tahun 1929<sup>88</sup> kepada \$2,327,740 pada tahun 1932.<sup>89</sup> Berbanding dengan sumber pendapatan yang utama ini, cukai tanah dan lain-lain pendapatan adalah stabil kutipannya. Dalam tempoh ini, penurunan cukai tanah hanya sebanyak 7.84% iaitu \$2,670,705 pada tahun 1929<sup>90</sup> kepada \$2,415,976 pada tahun 1932.<sup>91</sup> Walau bagaimanapun, komposisi cukai ini telah meningkat daripada 15.15% pada tahun 1929 kepada 20.98% pada tahun

1932.

#### 4.5.1 Kastam

Jumlah duti kastam telah menurun dengan drastik sekali dalam jangka masa ini disebabkan oleh kejatuhan duti eksport ke atas getah. Jumlah duti eksport getah telah menurun daripada \$1,592,860 pada tahun 1929<sup>92</sup> kepada \$144,341 kepada tahun 1932.<sup>93</sup> Lampiran Jadual 5.2. menunjukkan bahawa kepentingan duti eksport getah dalam jumlah duti kastam juga telah menurun daripada 27.03 % pada tahun 1929 kepada 4.76% pada tahun 1932.

Dalam tempoh ini, jumlah barang yang dikenakan duti eksport juga telah dikurangkan. Pada tahun 1930, duti eksport ke atas ikan dan barang (*minor*) telah dihapuskan. Selain daripada itu, barang lain yang turut dihapuskan duti eksportnya termasuklah gambir dan lada hitam pada tahun 1931 dan ubi kayu pada tahun 1932. Oleh itu, jumlah barang yang dikenakan duti eksport telah berkurang daripada sebelas jenis barang pada tahun 1929 kepada hanya lima jenis barang sahaja pada tahun 1932.<sup>94</sup>

Dalam situasi seperti ini, pengumpulan pendapatan daripada duti import telah memainkan peranan yang penting bagi mengatasi masalah kejatuhan duti eksport, seperti yang dapat dilihat daripada Lampiran

Jadual 5.2.. Jadual tersebut juga menunjukan perubahan komposisi duti eksport dan import. Pada tahun 1929, duti eksport adalah berjumlah 56.87% dan jumlah ini telah berkurang kepada hanya 15.71% pada tahun 1932. Sementara itu, komposisi duti import yang terdiri daripada (Rokok, Arak, Mancis dan Petrol) dalam duti kastam yang berjumlah 43.13% pada tahun 1929 telah meningkat kepada 84.29% pada tahun 1932, walaupun dari segi jumlah nilai sebenar yang dikumpul menunjukan kejatuhan daripada \$3,009,880 pada tahun 1929 kepada \$2,052,221 pada tahun 1932. (Sila lihat Jadual 4.10.)

Kestabilan duti import adalah disebabkan item ini tidak menerima kesan daripada perubahan ekonomi. Satu hal yang menarik ialah duti import ke atas penjualan petrol telah meningkat daripada \$401,170 pada tahun 1929<sup>95</sup> kepada \$794,402 pada tahun 1932.<sup>96</sup> Peratusan kepentingan duti ini ke atas jumlah kutipan pendapatan telah meningkat daripada 6.81% pada 1929 kepada 26.21% pada 1932. Secara bandingan duti ini menjadi sama penting dengan duti yang dikumpulkan daripada penjualan tembakau. Walaupun begitu, duti ini adalah berbeza dengan duti tembakau kerana duti import ke atas penjualan petrol dibayar oleh penduduk bandar yang menggunakan kenderaan. Peningkatan ke atas jumlah pengutipan duti ke atas penjualan petrol juga adalah disebabkan

**Jadual 4.10. Jumlah Nilai dan Perata Duti Import, 1929 - 1932,  
(Straits Dollar)**

Tahun	Rokok (%)		Arak (%)		Petrol (%)		Matches (%)	
1929	1,586,909	26.93%	1,021,797	17.34%	401,174	6.81%	160,265	2.72%
1930	1,459,137	35.22%	724,911	17.50%	430,772	10.40%	138,752	3.35%
1931	1,257,922	39.64%	375,894	11.85%	445,651	14.04%	104,865	3.30%
1932	948,319	31.29%	229,337	7.57%	794,402	26.21%	80,163	2.65%

Sumber: Disusun daripada ARJ 1929 - 1932

peningkatan jumlah pengguna kereta. Bagaimanapun, Pentadbiran Kolonial sedar bahawa dua bentuk duti berkenaan adalah kurang elastik berbanding dengan duti barang lain. Di samping itu, ia juga tidak begitu dipengaruhi oleh perubahan ekonomi. Walaupun keadaan ekonomi merosot, jumlah bilangan kereta telah meningkat kerana negeri Johor berbeza dengan NNMB, tidak mengenakan sebarang cukai import terhadap pembelian kereta.

#### 4.5.2 Lesen dan Eksais

Sebagaimana duti kastam, duti eksais juga telah menunjukkan penurunan yang jelas daripada \$5,073,011 pada tahun 1929<sup>97</sup> kepada \$2,327,740 pada tahun 1932.<sup>98</sup> Peratus kepentingan duti ini daripada jumlah kutipan pendapatan juga telah menurun daripada 28.77% pada tahun 1929 kepada 20.21% pada tahun 1932. Kejatuhan ini adalah sejajar dengan polisi British yang ingin mengurangkan pergantungan daripada pendapatan daripada kutipan cukai candu semenjak Pentadbiran Kolonial menuahkan ORRRF (*Opium Revenue Replacement Reserve Fund*) pada tahun 1926. Pada tahun 1931, Ag. FCJ telah menyatakan dalam laporannya bahawa "*It has become customary to regard opium revenue as something apart from the normal revenue of the State.*"<sup>99</sup> Oleh itu, pendapatan daripada sumber ini tidaklah dijangka akan membawa perubahan yang

besar.

#### 4.5.3 Cukai Tanah

Pengurangan sumber pendapatan daripada dua sumber yang utama iaitu duti kastam dan eksais telah mengakibatkan berlakunya penurunan terhadap jumlah kutipan pendapatan. Oleh itu, amat penting bagi Pentadbiran Kolonial untuk mencari sumber pendapatan utama yang boleh mengurangkan kerugian dalam jumlah pendapatan negeri. Dalam hal ini Pentadbiran Kolonial telah memilih cukai tanah sebagai kaedah untuk mendapatkan pendapatan. Ini disebabkan Pentadbiran Kolonial boleh mengenakan cukai tanah terhadap pemodal-pemodal yang memiliki tanah, walaupun keadaan pasaran semasa mengalami kemerosotan. Oleh itu, Pentadbiran Kolonial telah memberikan tumpuan khusus dalam meningkatkan mutu sistem pentadbiran bagi mengumpulkan cukai berkenaan.

Dalam tempoh masa ini, jumlah pendapatan daripada cukai tanah telah menunjukkan sedikit kejatuhan iaitu daripada \$2,621,502 pada tahun 1929<sup>100</sup> kepada \$2,415,976 pada tahun 1932.<sup>101</sup> Walaupun jumlah ini mengalami kejatuhan, namun peratusan sumbangan cukai tanah terhadap jumlah nilai pendapatan telah meningkat daripada 12.67% pada tahun 1929 kepada 20.98% pada tahun 1932. Pentadbiran Kolonial telah

memperkenalkan dua alternatif dalam usaha untuk mengukuhkan kutipan pendapatan. Pertama, Pentadbiran Kolonial telah memperkenalkan *quit rent* terhadap semua pemilik tanah, walaupun mereka tidak menjalankan sebarang aktiviti di atas tanah tersebut. Polisi ini telah menimbulkan kontroversi di antara *Johore Planter's Association* dengan Pentadbiran Kolonial terutama sekali mengenai kadar cukai.<sup>102</sup> Walau apa pun terjadi yang jelas, polisi ini telah membantu mengurangkan kejatuhan pendapatan negeri.

Kedua, bagi melaksanakan kutipan cukai tanah, corak pentadbiran telah dirombak dan sejumlah besar Penghulu baru telah dilantik sebagai pemungut cukai bagi mengurangkan kompleksiti dalam sistem pemungutan cukai tersebut.<sup>103</sup> Terdapat berbagai-bagai masalah dalam mengedarkan pindaan polisi berkaitan dengan penggunaan resit dalam pengutipan cukai. Ini kerana ramai daripada Penghulu yang dilantik tidak memahami arahan pentadbiran berkenaan perkara tersebut. Tambahan pula, arahan yang dikeluarkan adalah dalam Bahasa Inggeris.<sup>104</sup> Untuk mengatasi masalah ini Pentadbiran Kolonial telah menterjemah pindaan tersebut ke dalam Bahasa Melayu dengan tulisan Jawi supaya dapat difahami sebaliknya oleh semua Penghulu.<sup>105</sup> Ekoran daripada penguatkuasaan polisi itu, Pentadbiran Kolonial telah dapat mengutip cukai

yang lebih stabil setiap tahun.

#### **4.5.4 Lain-lain Sumber Pendapatan**

Selain daripada cukai tanah, Pentadbiran Kolonial juga telah mendapat sumber pendapatan dengan mengenakan cukai terhadap sumber pendapatan yang lain. Antaranya, Pentadbiran Kolonial telah menguatkuaskan beberapa cukai baru seperti pinjaman perumahan Pentadbiran Kolonial, bekalan air dan elektrik. Bentuk-bentuk cukai berkenaan dikenakan terutamanya kepada penduduk yang tinggal di kawasan bandar. Pertumbuhan dan perkembangan bandar telah mengakibatkan berlakunya peningkatan dalam kutipan cukai-cukai tersebut. Dalam erti kata lain, pada peringkat ini Pentadbiran Kolonial telah cuba mengutip kembali perbelanjaan yang telah digunakan bagi membangunkan infrastruktur di kawasan bandar-bandar tersebut.

### **4.6 Perbelanjaan Negeri**

Sebelum jangka masa ini, Pentadbiran Kolonial telah memperuntukkan sebahagian besar daripada sumber pendapatan untuk membangunkan infrastrukur. Ini bertujuan untuk menarik pelabur ke Johor. Pembangunan infrastruktur yang dilakukan tidak lengkap dan menyeluruh, kerana pada tempoh masa ini masih wujud masalah

kekurangan bekalan air dan elektrik. Masalah ini berlaku sejak 1920-an (Ekoran daripada pertambahan bilangan penduduk dan persetujuan Skim Linggui ) dan hingga kini masih tidak dapat diselesaikan. Ini kerana polisi peruntukan perbelanjaan memberi tumpuan yang lebih kepada sektor yang lebih menguntungkan seperti pembinaan sistem pengangkutan dan telekomunikasi. Tambahan pula, peruntukan yang besar telah digunakan untuk membayar gaji kakitangan dan kerja-kerja am bagi *annual recurrent*. Peruntukan berkenaan tidak dapat dikurangkan dan telah menyebabkan pihak Pentadbiran Kolonial terpaksa menilai semula peruntukan-peruntukan yang telah dibuat sebelum ini.

Jumlah perbelanjaan telah dikurangkan daripada \$16,200,829 pada tahun 1929<sup>106</sup> kepada \$11,383,156 pada tahun 1932.<sup>107</sup> Pada tahun 1930 imbangan kewangan menunjukkan defisit sebanyak \$2,036,980 dan jumlah ini meningkat kepada \$2,675,814 pada tahun 1931. Dalam jangka masa dua tahun, pihak Pentadbiran Kolonial tidak dapat menghasilkan polisi yang tepat walaupun mereka telah cuba mengatasi masalah tersebut. Kejatuhan pendapatan adalah begitu ketara dan tidak dijangka sama sekali. Lampiran Jadual 4.2. dan Gambarajah 4.3. menunjukkan perbelanjaan sebenar Pentadbiran Kolonial berbanding dengan anggaran perbelanjaan.

Dalam tempoh masa ini, peratusan komposisi perbelanjaan adalah seperti berikut iaitu pencen 3.5%; gaji kakitangan 35.9%, Kerja-kerja Raya (*Annual Recurrent*) 11.4%, Kerja-kerja Raya (*Special Service*), 21.3% dan lain-lain perbelanjaan adalah sebanyak 27.9%. Bagaimanapun, pengurangan pebelanjaan hanya dilakukan ke atas dua sektor sahaja iaitu *PWD* dan lain-lain perbelanjaan. Sektor lain seperti pencen dan gaji kakitangan tidak mengalami perubahan. Ini dapat dilihat dari Lampiran Jadual 6.1 dan Gambarajah 6.1.

#### **4.6.1 Gaji Kakitangan, Pencen dan Kos Pentadbiran**

Walaupun berlaku kejatuhan dalam pendapatan negeri, namun Pentadbiran Kolonial tidak boleh mengurangkan peruntukan yang dibuat bagi pencen dan gaji kakitangan. Untuk mengelakkan daripada timbulnya sebarang masalah terpaksa mengekalkan peruntukan seperti sebelumnya. Dengan berbuat demikian pendapatan kakitangan Pentadbiran Kolonial tidak terjejas.<sup>108</sup> Selain daripada mengekalkan bayaran pencen dan kakitangan, Pentadbiran Kolonial terpaksa memperuntukkan, sejumlah wang yang agak besar bagi membayar gaji pemungut-pemungut cukai yang baru dilantik.

Bagi mengurangkan perbelanjaan, Pentadbiran Kolonial juga terpaksa mengurangkan peruntukan yang dibuat untuk pentadbiran. Dengan

itu, mereka tidak dapat melaksanakan sebarang pembaharuan dalam sistem pentadbiran. Pentadbiran Kolonial bertindak mengurangkan peruntukan perbelanjaan jabatan-jabatan tertentu. Namun begitu, terdapat juga jabatan-jabatan yang mengalami peningkatan perbelanjaan. Umpamanya Jabatan Perubatan telah menggunakan 0.40% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan yang berjumlah \$18,224 pada tahun 1929<sup>109</sup> dan jumlah ini telah meningkat kepada \$965,487 iaitu 8.48% daripada jumlah keseluruhan pada tahun 1932.<sup>110</sup> Selain daripada Jabatan Perubatan, perbelanjaan Jabatan Polis dan Jabatan Pendidikan juga telah meningkat. Peruntukan perbelanjaan untuk Jabatan Polis turut meningkat daripada \$678,119 iaitu 4.19% daripada jumlah perbelanjaan pada tahun 1929<sup>111</sup> kepada \$865,194 iaitu sebanyak 7.47% pada tahun 1932.<sup>112</sup> Ini berikutan daripada peningkatan perbelanjaan dalam pembelian senjata. Bagi Jabatan Pendidikan pula, jumlah perbelanjaannya adalah \$573,541 iaitu sebanyak 3.54% pada 1929<sup>113</sup> kepada \$718,267 iaitu sebanyak 6.31% pada 1932.<sup>114</sup>

#### 4.6.2 Kerja Raya

Sebelum ini Pentadbiran Kolonial demi untuk menarik kemasukan pelabur telah menyediakan sistem jalan raya. Sementara itu, pembinaan landasan keretapi pula bertujuan untuk menghubungkan bandar-bandar utama dengan kawasan-kawasan pedalaman. Keadaan ini telah

menyebabkan berlakunya perubahan yang drastik dalam arah aliran pengangkutan iaitu dari laut ke darat. Bagaimanapun, Pentadbiran Kolonial tidak membina jaringan jalanraya yang menghubungkan antara bandar-bandar utama di Johor seperti Muar - Batu Pahat - Pontian dan Johor Bharu. Ini kerana mereka ingin menggalakkan penggunaan landasan keretapi yang telah dibangunkan di kawasan berkenaan. Berdasarkan Peta 3.1., Pentadbiran Kolonial telah membangunkan sistem perhubungan jalanraya yang menghubungkan bandar-bandar di sepanjang pantai barat dengan Johor Bharu. Kesannya, beberapa buah daerah telah membangun dengan pesat dalam tempoh masa ini. Perkara ini dapat dilihat dari Jadual 4.11 dan Peta 4.1.

#### 4.6.3            Utiliti

##### 4.6.3.1 Telegraf dan Telefon


Sistem telefon ini menghubungkan antara bandar-bandar utama di Johor seperti Pontian-Kukup, Kota Tinggi-Panchor, Batu Pahat-Semerah, Johore Bahru - Masai dan Johor Bahru - Senai. Pada tahun 1932, selain daripada pembinaan sistem jalan raya, Pentadbiran Kolonial juga telah menggunakan tiang konkrit bagi menggantikan tiang besi untuk sistem telefon yang telah sedia ada.<sup>115</sup> Pada akhir tahun tersebut, Daerah Kluang dan Ayer Hitam telah mempunyai talian sepanjang lapan batu

**Jadual 4.11. Perkembangan Sistem Pengangkutan Jalan Raya, 1929-1932, (Batu)**

Daerah	Mettaled Roads (Batu)			Gravelled Roads (Batu)			Earth Roads (Batu)		
	1929	1932	+/-	1929	1932	+/-	1929	1932	+/-
Johore Bahru	111	120.4	9.4	31.3	39.2	7.9	9.3	13.2	3.9
Muar	71.3	98.6	27.3	61.3	74	12.7	12.7	1.2	-11.5
Batu Pahat	93.5	96	2.5	1.1		-1.1	8.7	6	-2.7
Segamat	80.6	83.2	2.6	29.2	22.6	-6.6	1.4	3.6	2.2
Kluang dan Endau	141.3	157.7	16.4	6.4	2.4	-4	3.5	6.5	3
Kota Tinggi	47.1	52.5	5.4	7.6	8.3	0.7	4	7.4	3.4
Jumlah	545.6	609.3	63.7	137.6		-138			0

Sumber: ARJ 1929 hal:38, ARJ 1933, hal:42.

**Peta 4.1. Sistem Pengangkutan Jalan Raya, 1929 - 1932**



Sumber: Disusun daripada ARJ 1929 - 1933

yang menggunakan tiang konkrit. Laporan *Post and Telecommunication*, 1932 menyatakan bahawa, "While more difficult to handle on account of weight, concrete poles as compared to Iron Poles, mean considerable saving in capital; moreover the former, nor requiring periodical treatment with bituministic paint provides an appreciable saving in maintenance charge."<sup>116</sup>

Selain daripada itu terdapat juga talian telegraf yang menghubungkan Daerah Rengam dengan Kota Tinggi yang beroperasi pada 6hb Ogos dan 29hb Disember 1930.<sup>117</sup>

#### **4.6.3.2 Bekalan Elektrik**

Pentadbiran Kolonial dalam tempoh masa ini telah mempertingkatkan lagi perkhidmatan bekalan elektrik. Pada tahun 1920 bekalan elektrik berjumlah 300 *kilowatts* dan kemudiannya telah ditingkatkan kepada 385 *kilowatts* pada tahun 1925, dan seterusnya pada tahun 1930 jumlah bekalan elektrik telah bertambah kepada 1,040 *kilowatts*. Selain daripada itu bentuk bekalan telah diubah daripada *D.C* kepada *A.C* dan jangka waktu bekalan letrik telah ditambah daripada 12 jam sehari kepada 24 jam sehari semalam.<sup>118</sup>

#### **4.6.3.3 Bekalan Air**

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, pihak Pentadbiran

Kolonial telah menghadapi masalah kekurangan bekalan air dan elektrik.

Walaupun pelbagai usaha telah dijalankan oleh Pentadbiran Kolonial bagi mengatasi masalah tersebut, namun usaha mereka masih gagal.

Kemelesetan ekonomi dan kemerosotan pendapatan negeri merumitkan lagi masalah ini. Pegawai British yang telah dilantik untuk menyelesaikan masalah kekurangan bekalan air telah mengkritik polisi yang diamalkan oleh Pentadbiran Kolonial sebelum ini seperti berikut.

"..... What is not explained is why the temporary supply from Muar river was ever put in at all and how it worked efficiently for 8 years, until it was discovered in May 1930 that excessive salinity at all times made this supply a bad one. However, I think that Exco must now pass over the past misarrangement and waste of public funds and must concentrate on the positive needs of the present and future."<sup>119</sup>

Dalam keadaan pendapatan yang terhad, Pentadbiran Kolonial telah memperuntukkan sejumlah wang untuk membangunkan sistem kemudahan bekalan air di Mount Ophir, Muar, Kluang dan Kukup.<sup>120</sup>

#### **4.6.4 Perkhidmatan Sosial**

##### **4.6.4.1 Pendidikan**

Sebelum jangkamasa ini, Pentadbiran Kolonial tidak begitu menumpukan perhatian terhadap pembangunan sosial. Ini dapat dilihat daripada jumlah perbelanjaan yang digunakan untuk pembangunan sosial

adalah begitu minima sekali. Bagaimanapun pada tempoh masa ini, walaupun keadaan kewangan terhad peruntukan perkhidmatan sosial untuk pendidikan, perubatan dan keselamatan telah ditingkatkan.

Bagi sektor pendidikan, Pentadbiran Kolonial telah membina beberapa buah sekolah di Johor. Pada peringkat pendidikan asas, pentadbiran kolonial telah meningkatkan peruntukannya dan membekalkan perkhidmatan tertentu seperti pemberian bantuan bahan pendidikan secara percuma kepada pelajar-pelajar.<sup>121</sup>

Dalam tempoh masa ini, pendidikan di peringkat tinggi tidak disediakan di Johor. Bagi melanjutkan pelanjaran ke peringkat yang lebih tinggi, Pentadbiran Kolonial telah menghantar dua orang pelajarnya ke Raffles College, 5 orang ke King Edward VII dan 2 orang lagi ke Universiti Hong Kong.<sup>122</sup>

#### 4.6.4.2 Perubatan

Dalam tempoh masa ini pihak Pentadbiran Kolonial memperlengkapkan lagi hospital-hospital yang sedia ada dengan tambahan wad bersalin, dispensari, dewan bedah dan sebagainya. Selain daripada itu pihak pentadbiran juga telah membina dan menambah bilangan *quarters* jururawat dan kakitangan hospital yang lain.<sup>123</sup> Dalam tempoh masa ini baik perubatan atau pendidikan, tidak terdapat satu rancangan menyeluruh jangka panjang bagi pembangunan kedua-dua aspek tersebut, yang dapat

memberikan faedah kepada golongan rakyat jelata.

#### 4.6.5 Peruntukan Khas

Dalam tempoh masa ini tidak terdapat sebarang bentuk projek di bawah peruntukan khas.

### 4.7 Pengurusan Kewangan

Jadual 4.12. menunjukkan imbalan kewangan pendapatan dan perbelanjaan 1929-1932, di mana dapat dilihat defisit akaun pada tahun 1930 dan 1931. Sungguhpun begitu, jumlah defisit ini adalah kurang berbanding dengan anggaran defisit yang dibuat oleh Pentadbiran Kolonial kecuali 1930.<sup>124</sup> Seperti yang diperlihatkan dalam Lampiran Jadual 7.1, jumlah aset Johor pada masa ini telah merekodkan kejatuhan sedikit daripada \$38,470,465 pada 1929<sup>125</sup> kepada \$36,361,014 pada 1932.<sup>126</sup> Penurunan ini berlaku disebabkan oleh tindakan Pentadbiran Kolonial yang ingin mengurangkan defisit daripada simpanan tunai dan deposit tetap, iaitu dengan memperuntukan sejumlah besar simpanan wang sebagai gantirugi terhadap defisit kewangan dalam tempoh masa ini. Dalam jangka masa sebelum ini, terutama sekali semasa kemelesetan ekonomi pada 1919 hingga 1922, Pentadbiran Kolonial telah memperuntukkan sebahagian daripada lebihan belanjawan sebagai simpanan tunai dan simpanan tetap untuk persediaan terhadap kejatuhan

**Jadual 4.12. Jumlah Nilai Sebenar dan Anggaran Pendapatan Negeri dan Perbelanjaan Negeri, 1929 - 1932, (Straits Dollar)**

Tahun	Jumlah Sebenar			Jumlah Anggaran		
	Pendapatan Negert	Peruntukan negert	+/-	Pendapatan negert	Peruntukan Negert	+/-
1929	17,633,212	16,200,829	1,432,383	21,486,534	17,135,478	4,351,056
1930	14,634,966	16,671,946	-2,036,980	16,510,545	18,526,102	-2,015,557
1931	12,102,704	14,778,518	-2,675,814	13,467,167	17,244,684	-3,777,517
1932	11,518,363	11,383,156	135,207	11,032,476	13,061,697	-2,029,221

Sumber: Disusun daripada ARJ 1929 - 1932

pendapatan dan peningkatan perbelanjaan di luar jangkaan. Peruntukan tetap di sektor ini membolehkan Pentadbiran Kolonial menyelesaikan masalah defisit dalam akaun Pentadbiran Kolonial negeri.

Jumlah nilai simpanan tunai telah berkurang daripada \$4,281,061 pada 1929<sup>127</sup> kepada \$117,595 pada 1932.<sup>128</sup> Peratusan simpanan tunai juga telah berkurangan daripada 11.13% pada 1929 kepada 0.32% pada 1932. Bagi deposit tetap pula, peruntukan untuk sektor ini yang dihentikan sebelum ini telah diwujudkan semula pada 1931 dengan peruntukan berjumlah \$1,250,000. Strategi yang diamalkan oleh Pentadbiran Kolonial ini telah berjaya membuktikan bahawa mereka mengambil berat terhadap defisit akaun yang berlaku. Selain daripada itu, mereka juga berjaya menyelesaikan masalah tersebut tanpa mendapat bantuan kewangan daripada luar.

Sungguhpun polisi ini dilaksanakan, portfolio pelaburan kewangan langsung tidak terjejas malahan jumlah nilai pelaburan telah meningkat daripada \$ 26,689,404 pada tahun 1929<sup>129</sup> kepada \$ 28,068,419 pada tahun 1932.<sup>130</sup> Peratusan pentingan pelaburan ini juga telah meningkat daripada 69.38% pada 1929 kepada 77.19 % pada 1932 seperti yang dapat dilihat daripada Jadual 4.13. Dalam jangka masa ini, bon tidak lagi diwujudkan dalam portfolio pelaburan kewangan. Pelaburan berkenaan

**Jadual 4.13. Jumlah Nilai dan Komposisi, Simpanan Wang Tunai,  
Deposit Tetap dan Portfolio Pelaburan Kewangan,  
1929-1932, (*Straits Dollar*)**

Tahun	Simpanan Wang Tunai	%	Deposit Tetap	%	Jumlah Nilai Portfolio Pelaburan Kewangan	%	Jumlah Nilai Aset
1929	4,281,061	11.13%	7,500,000	19.50%	26,689,404	69.38%	38,470,465
1930	2,048,061	5.35%	7,500,000	19.61%	28,702,231	75.04%	38,250,292
1931	1,720,516	4.74%	6,250,000	17.23%	28,304,083	78.03%	36,274,599
1932	117,593	0.32%	8,175,000	22.48%	28,068,419	77.19%	36,361,014

Sumber: Disusun daripada ARJ 1929-1932

telah dilaburkan ke dalam tiga sektor, iaitu *Sterling Security*, ORRRF (*Opium Revenue Replacement Reserve Fund*) dan *Local Security*.

Peningkatan jumlah nilai portfolio pelaburan kewangan dalam jangka masa 1914- 1928 telah berlaku ekoran daripada perkembangan ekonomi tempatan. Kestabilan jumlah nilai portfolio pelaburan kewangan dalam jangka masa ini berlaku ekoran daripada pengagihan kewangan yang teliti dalam peraturan lebahan kewangan.

Hakikat ini amat penting kerana pihak Pentadbiran Kolonial tidak membincangkan mengenai peruntukan kewangan kepada portfolio pelaburan kewangan, walaupun ekonomi tempatan dan pengumpulan pendapatan negeri telah menunjukkan kemerosotan yang ketara. Jumlah ini disalurkan ke Britain dan koloni-koloni British yang lain atas arahan *Crown Agent*. Perkara berkenaan dapat dilihat dalam Jadual 4.14 , 4.15, 4.16 dan 4.17.

#### **4.8           Kesimpulan**

Kejatuhan ekonomi Johor pada masa ini membuktikan bahawa pasaran dunia amat mempengaruhi ekonomi Johor dan seterusnya corak belanjawan negeri itu. Situasi ini turut menjelaskan keuntungan golongan pemodal yang terpaksa meneruskan juga aktiviti ekonomi seperti

**Jadual 4.14. Nilai dan Komposisi Portfolio Pelaburan Kewangan, 1929 - 1932, (*Straits Dollar*)**

Tahun	Bon	%	Tabung	%	Sekuriti	%	Fund	%	Jumlah
1929		0.00%		0.00%	15,827,810	59.30%	10,861,594	40.70%	26,689,404
1930		0.00%		0.00%	16,495,417	57.47%	12,206,814	42.53%	28,702,231
1931		0.00%		0.00%	14,910,057	52.68%	13,394,026	47.32%	28,304,083
1932		0.00%		0.00%	13,020,847	46.39%	15,047,572	53.61%	28,068,419

Sumber: Disusun daripada ARJ 1929-32

**Jadual 4.15. Nilai dan Komposisi Mengikut Destinasi dari Negeri Johor, 1929 - 1932, (*Straits Dollar*)**

Tahun	Negeri-Negeri Empayar Britain	%	Negeri-Negeri Melayu-Bersatu	%	Jumlah Nilai Portfolio Pelaburan Kewangan
1929	26,273,999	98.44%	415,405	1.56%	26,689,404
1930	28,286,826	98.55%	415,405	1.45%	28,702,231
1931	27,888,678	98.53%	415,405	1.47%	28,304,083
1932	27,653,014	97.27%	415,405	1.46%	28,428,419

Sumber: Disusun daripada ARJ 1914-1928

**Jadual 4.16. Nilai dan Destinasi *Sterling Security*, 1932,  
(*Sterling Pounds*)**

Destinasi	Kadar Faedah	Nilai yang Dilabur 31/12/1932 (I)	Nilai Pasaran (II)	(III)-(I)
India 1936/1938	5.5	20,725	22,279	1,554
Queensland 1934/1936	5.5	30,000	30,600	600
New South Wales, 1924/1934	5.5	43,100	43,100	0
Victoria 1924/1934	5.5	10,000	10,100	100
Kenya 1948/1958	5	93,722	104,032	10,310
Nigeria 1947/1957	5	18,625	20,674	2,049
Nigeria 1950/1960	5	8,500	96,050	87,550
Uganda 1951/1971	5	35,278	39,862	4,586
Northern Rhodesia 1950/1970	5	26,680	29,615	2,935
New Zealand 1932/1934	5	25,000	25,500	500
New Zealand 1935/1945 "A"	5	34,150	34,833	683
New Zealand 1946	5	60,519	64,756	4,237
Union of South Africa 1932/43	5	13,000	13,130	130
Union of South Africa 1945/1975	5	29,981	32,529	2,548
Union of South Africa 1950/1970	5	14,320	16,181	1,861
Ceylon 1960/1970	5	43,600	51,012	7,412
Birmingham 1946/1956	5	50,162	56,683	6,521
India 1942/1947	5	2,000	2,180	180
Kenya 1961/1971	4.5	22,666	24,252	1,586
Kenya 1950	4.5	94,711	101,340	6,629
Gold Coast 1956	4.5	7,835	8,305	470
Gold Coast 1960/1970	4.5	30,000	32,100	2,100
New Zealand 1944	4.5	16,369	16,860	491
New Zealand 1948/1958	4.5	10,000	10,300	300

Destinasi	Kadar Faedah	Nilai yang Dilabur 31/12/1932 (I)	Nilai Pasaran (II)	(II)-(I)
New Zealand 1946	4.5	25,400	26,924	1,524
India 1950/1955	4.5	30,000	32,100	2,100
India 1958/1968	4.5	50,000	53,750	3,750
Union of South Africa 1955/1975	4.5	20,300	21,924	1,624
Jamaica 1941/1971	4.5	850	885	35
Birmingham 1948/68	4.5	30,484	338,838	308,354
South Rhoeia 1958/68	4.5	11,428	11,999	571
Ceylon 1965	4.5	70,268	75,889	5,621
Straits Settlements 1935/1945	4.5	34,396	34,740	344
Sierra Leone 1955	4.5	25,000	26,250	1,250
New Zealand 1933/1943	4	10,000	10,000	0
New Zealand 1943/1963	4	38,389	38,773	384
New South Wales 1933	4	17,223	17,223	0
Jamaica 1934	4	1,009	1,029	20
Tanganyika 1951/71	4	12,000	12,960	960
Natal 1937	4	20,532	20,943	411
Ceylon 1939/59	4	10,657	10,870	213
Nigeria 1963	4	24,544	25,526	982
Cape of Good Hope 1916/36	4	13,358	13,625	267
South Australia 1917/1936	4	3,000	3,015	15
Treasury Bonds 1934/1936	4	28,844	29,709	865
Grenada 1917/42	4	8,567	8,567	0
Natal 1914/1939	3.5	13,459	13,459	0
Natal 1934/1944	3.5	5,388	5,334	-54
Cardiff 1935	3.5	1,000	1,000	0
New Zealand 1940	3.5	14,732	14,290	-442
Southern Nigeria 1930/55	3.5	43,927	43,488	-439

<b>Destinasi</b>	<b>Kadar Faedah</b>	<b>Nilai yang Dilabur 31/12/1932 (I)</b>	<b>Nilai Pasaran (II)</b>	<b>(II)-(I)</b>
<b>Gold Coast 1934/59</b>	3.5	12,592	12,592	0
<b>Straits Settlements 1937/67</b>	3.5	46,539	46,608	69
<b>Ceylon 1934/59</b>	3.5	17,847	17,490	-357
<b>Commonwealth of Australia 1936/37</b>	3.5	34,020	3,323	-30,697
<b>Cape of Good Hope 1933/43</b>	3	2,500	2,375	-125
<b>Ceylon 1940</b>	3	19,404	19,016	-388
<b>Conversion Loan 1948/53</b>	3	140,000	80,500	-59,500
<b>Jumlah</b>		1,624,498	1,655,305	30,809

Sumber: FCJ 358/1933 FCJ kpd. GAJ, Lampiran 1-2, 20 Februari 1933

Jadual 4.17.Nilai dan Destinasi *Opium Revenue Replacement Reserve Fund*, 1932, (Sterling Pounds)

Destinasi	Kadar Faedah	Nilai yang Dilabur 31/12/1932 (I)	Nilai Pasaran (II)	(II)-(I)
Gold Coast 1945/70	6	5,369	6,389	1,020
Kenya 1946/56	6	24,945	29,435	4,490
Nigeria 1936/46	6	1,595	1,707	112
Nigeria 1949/79	6	12,546	14,930	2,384
Straits Settlement 1936/51	6	81,331	86,210	4,879
India 1936/38	5.5	5,022	5,399	377
Union of South Africa 1945/75	5	36,750	39,874	3,124
Kenya 1948/58	5	73,425	81,501	8,076
New Zealand 1935/45	5	8,000	8,160	160
New Zealand 1949	5	26,700	29,370	2,670
New Zealand 1956/71	5	6,077	6,867	790
Northern Rhodesia 1950/70	5	44,583	49,488	4,905
British Guiana 1949/69	5	32,033	36,517	4,484
Ceylon 1960/70	5	26,467	30,966	4,499
Nigeria 1947/57	5	20,669	22,943	2,274
Nigeria 1950/60	5	53,935	60,947	7,012
Uganda 1951/71	5	11,400	12,882	1,482
Queensland 1940/60	5	30,046	30,947	901
Fiji 1946/53	5	1,000	1,100	100
Conversion Loan "A"	5	30,865	35,494	4,629
India 1942/47	5	40,000	43,600	3,600
Victoria 1940/60	4.75	10,456	10,581	105
Gold Coast 1956	4.5	179,572	190,347	10,775
Gold Coast 1960/70	4.5	10,000	10,700	700

Destinasi	Kadar Faedah	Nilai yang Dilabur 31/12/1932(I)	Nilai Pasaran (II)	(III)-(I)
Kenya 1961/71	4.5	77,516	82,942	5,426
Kenya 1950	4.5	43,295	46,326	3,031
Fifeshire 1951/61	4.5	15,000	16,500	1,500
Hull Corpn. 1945/60	4.5	3,000	3,240	240
Union of South Africa 1955/75	4.5	3,857	4,165	308
New Zealand 1944	4.5	25,640	26,410	770
New Zealand 1945	4.5	6,032	6,213	181
New Zealand 1947	4.5	39,740	40,933	1,193
New Zealand 1948/58	4.5	16,381	17,364	983
London County 1945/85	4.5	8,106	8,835	729
Ayrshire 1945/55	4.5	3,500	3,640	140
Ceylon 1965	4.5	26,184	28,279	2,095
Gateshead Corpn. 1952/62	4.5	20,409	21,429	1,020
Straits Settlement 1935/45	4.5	23,778	24,015	237
Sierra Leone 1955	4.5	21,849	22,941	1,092
South Shields Corpn. 1953/62	4.5	4,686	4,921	235
New Zealand 1933/43	4	46,156	46,156	0
West Australia 1934	4	2,051	2,041	-10
Tanganyika 1951/71	4	22,800	24,624	1,824
Cyprus 1956/66	4	14,000	14,840	840
Union of South Africa 1943/63	4	2,043	2,084	41
Trinidad 1917/42	4	4,954	4,904	-50
Bugerua 1963	4	30,475	31,694	1,219
Cape of Good Hope 1916/36	4	6,418	6,546	128

Destinasi	Kadar Faedah	Nilai yang Dilabur 31/12/1932(I)	Nilai Pasaran (II)	(II)-(I)
Natal 1937	4	4,028	4,109	81
Ceylon 1939/59	4	5,343	5,450	107
Queensland 1940/50	4	3,492	3,457	-35
Canada 1940/60	4	10,180	10,587	407
Middleseesc 1952/72	4	10,000	10,700	700
Funding 1960/90	4	30,780	33,396	2,616
Gold Coast 1939/59	4	5,419	5,419	0
Sierra Leone 1938/63	4	5,467	5,631	164
Jamaica 1952/62	4	6,319	6,571	252
Cape of Good Hope 1929/49	3.5	46,914	47,853	939
New Zealand 1940	3.5	61,844	59,989	-1,855
Cardiff 1935	3.5	3,400	3,400	0
Jamaica 1919/49	3.5	19,235	19,042	-193
Queensland 1945	3.5	2,420	2,202	-218
Natal 1934/44	3.5	22,382	22,158	-224
Natal 1914/39	3.5	11,348	11,348	0
Southern Nigeria 1930/55	3.5	15,495	15,340	-155
Hong Kong 1918/43	3.5	9,030	9,030	0
West Australia 1935/55	3.5	19,454	17,898	-1,556
Straits Settlements 1937/67	3.5	41,213	40,389	-824
Ceylon 1934/59	3.5	2,552	2,501	-51
Mauritius 1930/55	3.5	1,095	1,073	-22
War Loan 1952	3.5	79,298	78,307	-991
Victoria 1929/49	3.5	10,892	100,020	89,128
India 1931 -	3.5	14,100	12,408	-1,692
Natal 1929/49	3	17,841	16,414	-1,427

Destinasi	Kadar Faedah	Nilai yang Dilabur 31/12/1932 (I)	Nilai Pasaran (II)	(III)-(I)
Jamaica 1944	3	1,000	930	-70
Trinidad 1922/44	3	7,100	6,603	-497
Queensland 1922/47	3	32,787	27,541	-5,246
Victoria 1929/49	3	27,116	22,777	-4,339
India 1948 -	3	3,281	2,493	-788
Cape of Good Hope 1933/43	3	6,789	6,450	-339
British Guiana 1923/45	3	700	658	-42
Gold Coast 1927/52	3	10,192	9,257	-935
New Zealand 1945	3	13,810	12,567	-1,243
Metropolitan Wales "E" 1953/73	3	8,700	2,436	-6,264
Jumlah		1,811,704	1,883,832	72,128

Sumber: FCJ 358/1933, FCJ kpd. GAJ Limpiran 3, 20 Februari 1933,

sebelumnya. Bagi meminimakan kerugian dan risiko, mereka telah menghadkan kos pengeluaran dengan cara mengurangkan tenaga buruh. Selain daripada bilangan, kadar upah buruh juga telah dikurangkan.

Dalam keadaan ekonomi seperti ini, polisi kewangan Pentadbiran Kolonial memainkan peranan yang amat penting sekali. Dari aspek pengumpulan pendapatan negeri, Pentadbiran Kolonial sedar bahawa sumber utama pendapatan mempunyai perkaitan yang amat rapat dengan keadaan pasaran. Kejatuhan pasaran memberi kesan ke atas pengumpulan duti kastam dan penjualan candu. Oleh itu, Pentadbiran Kolonial telah memberi tumpuan terhadap pengutipan cukai tanah, memandangkan cukai ini tidak begitu dipengaruhi oleh perubahan pasaran semasa. Sungguhpun jumlah nilai pendapatan menunjukkan penurunan yang berterusan, namun bagitu polisi ini masih dapat mempertahankan sistem pentadbiran British.

Bagi sektor perbelanjaan negeri pula, pelbagai masalah telah timbul akibat daripada kejatuhan pendapatan negeri dan ketidaksesuaian anggaran peruntukan yang dibuat sebelum ini. Dalam keadaan ekonomi yang terhad ini, Pentadbiran Kolonial tetap meneruskan projek pembangunan jangka panjang seperti pembinaan jalan raya, telegraf dan telefon, bekalan air dan juga bekalan elektrik.

Dalam keadaan kemelesetan ekonomi, semua sektor ekonomi

telah terjejas. Pihak Pentadbiran Kolonial terpaksa mengurangkan perbelanjaan memandangkan pendapatan yang semakin merosot. Namun begitu, pihak Pentadbiran Kolonial tetap mengekalkan peruntukan yang stabil malahan semakin meningkat bagi portfolio pelaburan kewangan. Polisi ini merupakan polisi yang terpenting yang diamalkan oleh Pentadbiran Kolonial.

Walaupun mereka mengalami defisit kewangan secara berterusan, jumlah nilai portfolio pelaburan masih lagi dikekalkan mempertahankan sebanyak 2.65 kali ganda daripada jumlah saiz perbelanjaan negeri pada tahun 1932. Dalam erti kata lain, struktur kewangan Johor tidak terjejas lansung walaupun pemodal dan buruh mengalami masalah yang serius.

## **NOTA KAKI**

1. **ARMAS** 1934, Jadual 60 dan **ARJ** 1929 - 1933.
2. **Ibid.**
3. **ARJ 1929**, hal: 7.
4. **ARJ 1932**, hal:22.
5. **ARJ 1929**, hal:7.
6. **ARJ 1932**, hal:22.
7. **ARJ 1929**, hal:8.
8. **ARJ 1932**, hal:23.
9. **ARJ 1929**, hal:8.
10. **ARJ 1932**, hal:23.
11. **ARJ 1929**, hal:8.
12. **ARJ 1932**, hal:23.
13. **ARJ 1929**, hal:8.
14. **Ibid.**
15. **ARJ 1932**, hal:28.
16. **ARJ 1929**, hal:8.
17. **ARJ 1932**, hal:23.
18. **ARJ 1929**, hal:8.
19. **ARJ 1932**, hal:23.
20. **ARJ 1929**, hal:8.

21. **ARJ** 1932, hal:23.
22. **ARJ** 1929, hal:8.
23. **ARJ** 1932, hal:23.
24. **ARJ** 1929, hal:8.
25. **ARJ** 1932, hal:23.
26. **ARJ** 1929, hal:22.
27. **ARJ** 1932, hal:22.
28. **ARJ** 1929, hal:7.
29. **ARJ** 1932, hal:22.
30. **ARJ** 1929, hal:8
31. **ARJ** 1932, hal:22.
32. **ARJ** 1929, hal:8.
33. **ARJ** 1932, hal:22.
34. **Ibid.**
35. **ARJ** 1922, hal:2.
36. Walau bagaimanapun, tidak dapat mengtafsirkan realiti yang sebenarnya kerana tidak terdapat data mengenai kadar inflasi dan deflasi.
37. **ARJPA** 1930-1931, hal:23.
38. **ARMAS** 1933, hal:14.
39. **ARADJ** 1929, hal:32.
40. **ARADJ** 1932, hal:40.
41. **ARADJ** 1929, hal:32.

42. ARADJ 1932, hal:40.
43. ARADJ 1929, hal:32.
44. ARADJ 1932, hal:40.
45. ARMAS 1933, hal: 8.
46. Ibid.
47. Ibid.
48. Menurut data statistik pada 1928, sebahagian besar keluasan tanahnya dimiliki oleh pemodal Jepun. Walau bagaimanapun, pentadbiran kolonial tidak mengeluarkan sebarang data statistik mengenai keluasan tanah getah oleh pemodal Jepun.
49. ARJPA 1933, hal:23.
50. ARJ 1930, hal: 9 - 10.
51. GAJ 521/1929: Rubber Dealer's Association, Muar kpd. GAJ, Okt. 1927, Lampiran 1.
52. ARJPA 1932-1933, hal: 45.
53. ARJPA 1929, hal:19.
54. ARMAS 1934, hal:27.
55. ARJ 1929, hal: 15.
56. ARADJ 1932, hal: 20.
57. ARJ 1931, hal:15.
58. ARJ 1932, hal:22.
59. ARJ 1931, hal:15.
60. ARJ 1933, hal:22.
61. ARADJ 1930, hal:15-16.

62. **ARJ** 1929, hal: 9.
63. **ARADJ** 1932, hal: 12-14.
64. **ARADJ** 1930, hal: 8-10.
65. **ARADJ** 1932, hal: 12.
66. **ARADJ** 1932, hal: 13-14.
67. **ARJ** 1929, hal:10.
68. **Ibid.**
69. **Ibid.**
70. Penjelasan lanjut sila lihat Shiho Kato, "Syarikat Perlombongan Jepun di Malaya Sebelum Perang Dunia Kedua", Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1992, hal: 56 dan 95.
71. **ARJ** 1932, hal:17.
72. **ARADJ** 1930, hal: 20.
73. **ARADJ** 1929, hal:27.
74. **ARADJ** 1932, hal:12.
75. **Ibid.**
76. **ARADJ** 1929-1930, hal:13.
77. **ARJPA** 1929-1930, hal:13.
78. **ARJ** 1932, hal:27.
79. **ARJ** 1933, hal:39.
80. **ARJPA** 1930-1931, hal:33.
81. **ARJ** 1931, Appendix A dan B, hal:52

82. **ARJ 1932**, Appendix D, hal:59.
83. **Ibid.**
84. **Ibid.**
85. CO 717/135: Report Johore Estimate for 1932, L.Rayman, Acting FCJ, 18 Nov. 1931.
86. **ARJ 1929**, Appendix B, hal:49.
87. **ARJ 1932**, Appendix B, hal:58.
88. **ARJ 1929**, Appendix B, hal:49.
89. **ARJ 1932**, Appendix B, hal:58.
90. **ARJ 1929**, Appendix B, hal:49.
91. **ARJ 1932**, Appendix B, hal:58.
92. **ARJ 1929**, Appendix B, hal:49.
93. **ARJ 1932**, Appendix B, hal:58.
94. **ARJ 1932**, hal:47.
95. **ARJ 1929**, hal:12.
96. **ARJ 1932**, hal:47.
97. **ARJ 1929**, Appendix B, hal:49.
98. **ARJ 1932**, Appendix B, hal:58.
99. FCJ 655/1931: Ag.FCJ kpd. GAJ, "Obsevation on the Financial Recommendations of League of Nation's Commission of Enquiry into the Control of Opium-Smoking in the Far East", 1 April 1931, Lampiran 1.
100. **ARJ 1929**, Appendix B, hal:49.
101. **ARJ 1932**, Appendix B, hal:58.

102. **ARJPA 1932-1933**, hal:6.
103. CLMJ 276/1933: Collector of Land Revenue, Batu Pahat kpd. CLMJ, Mei 1933.
104. FCJ 1183/1933: CLMJ kpd. FCJ, 16 Julai 1933, Lampiran 4.
105. **Ibid**, Lampiran 5.
106. **ARJ 1929**, hal: 3.
107. **ARJ 1932**, hal:50
108. CO 717/94: F.T.Tree, FCJ, 19 Nov 1932, Enclosure, No.2 F.T.Tree kpd. Unfederated Malay States (Johore) Despatch, No.123, State of Johore, Report on The Estimates of Revenue and Expenditure for the year 1933, 26 Nov. 1932.
109. **ARJ 1932**, hal:60, Appendix E.
110. **Ibid**.
111. **Ibid**.
112. **Ibid**.
113. **Ibid**.
114. **Ibid**.
115. **ARJ 1930**, hal:35.
116. **Ibid**, hal:3.
117. **ARJ 1930**, hal:35.
118. Sila lihat **ARJ 1930**, hal: 44 dan **ARJ 1931**, hal: 29.
119. FCJ 132/1929: Minutes, FCJ kpd. GAJ, 17 April 1932.
120. FCJ 145/1932: R.S. Carroll, State Engineer, PWD, Johore kpd. The State Secretary, Johore, 26 Mac 1932, Lampiran 3.

121. **ARJ** 1932, hal:28.
122. **ARJ** 1932, hal:31.
123. **ARJ** 1929-1932, lihat di bawah tajuk *Medical*.
124. CO 717/94: Enclosure No.2 to Unfederated Malay States (Johore) Despatch No.123, F.T.Tree, FCJ, 26 Nov. 1932.
125. **ARJ** 1932, Appendix D, hal:59.
126. **Ibid.**
127. **ARJ** 1929, Appendix A, hal:50.
128. **ARJ** 1932, Appendix A, hal:57.
129. **ARJ** 1929, Appendix A, hal:50.
130. **ARJ** 1932, Appendix A, hal:57.